

**SOALAN NO : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]**  
**TARIKH : 1 NOVEMBER 2016**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah ianya dalam perancangan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Hospital Information System (HIS) di Hospital Umum Sarawak (HUS). Serta senarikan jumlah peruntukan kewangan bagi bahagian IT di HUS semenjak 2010.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perancangan sedang dilakukan untuk melaksanakan Hospital Information System (HIS) di beberapa hospital dalam Rancangan Malaysia Ke-11 Rolling Plan 2 iaitu bagi tahun 2018 dan 2019. Antaranya hospital yang akan melaksanakan Sistem HIS@KKM adalah Hospital Umum Sarawak dengan anggaran kos sebanyak RM9.8juta. Ini bergantung kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Semenjak 2010, bahagian IT di Hospital Umum Sarawak memperolehi peruntukan sebanyak RM15,000.00 setahun bagi tujuan penyelenggaraan peralatan ICT. Peruntukan ini diperolehi daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak.